

# Kekalkan integriti dan kebebasan IPT

**PUTRAJAYA 29 Sept.** - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan agar institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini diperkukuh, dipelihara serta dikekalkan integriti dan kebebasannya.

Baginda bertitah, bagi membolehkan institusi tersebut kekal bebas dan teguh, beberapa elemen perlu diberikan penekanan termasuk mengadun kecemerlangan akademik ke dalam budaya ilmiah serta menjalankan misi sosial.

Titah baginda, empat institusi terulung dalam dunia Islam iaitu Universiti Al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi; Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir; Kolej Nizamiyyah di Wilayah Abbasiyah dan Baytul Hikmah, Baghdad, Iraq wajar dijadikan contoh.

"Keempat-empat institusi berkenaan bukan sahaja selamat dan berjaya, tetapi juga bebas daripada sebarang kepentingan luar yang mengganggu sistem pendidikannya.

"Institusi tersebut juga dibia-  
yai menerusi sistem wakaf dan dana serta dikawal oleh lembaga pemegang amanah yang melaksanakan tugas bagi mengekalkan kewujudan serta kesejahteraan institusi," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyampaikan ucap-tama bertajuk *Reclaiming Education in Muslim Universities for 21st Century* dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) di sini hari ini.

Yang hadir sama Felo Utama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Felo Akademik di University Of Cambridge, Ahmad Keeler.

WICULS 2015 yang bertemakan *Re-writing the narrative: Higher Education for the 21st Century* menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi universiti Islam seluruh dunia buat kali pertama bagi membincangkan isu dan usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian

tinggi global.

Menurut baginda, pemimpin dan pentadbir universiti di negara ini perlu melaksanakan kewajipan dengan berintegriti dan bertakwa, selain perlu sedar betapa pentingnya untuk memelihara dan mengukuhkan institusi serta mengekalkan integriti dan kebebasan.

"Sukar bagi seseorang yang hilang integriti mendapat kembali kepercayaan orang ramai sama ada dalam bidang pendidikan, pentadbiran, badan kehakiman, agensi-agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan dan juga institusi raja.

"Justeru, menjadi hasrat dan harapan beta supaya pemimpin dan pentadbir di negara ini akan terus memperkukuhkan kualiti institusi negara dan tidak membiarkan keupayaan, integriti dan kebebasannya terjejas," titah baginda.

Dalam pada itu baginda bertitah, pihak universiti bukan sahaja perlu melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan luas dan kecerdasan kritikal, tetapi juga mereka yang mempunyai kesopanan moral dan kepekaan sosial.

"Universiti sepatutnya menjadi sebuah institusi yang pada asasnya boleh membangunkan dan mengubah manusia daripada segi material dan rohani, peranan kemanusiaan tradisional universiti telah berubah sejak bermulanya Revolusi Perindustrian.

"Pada ketika ini universiti telah semakin menyimpang daripada misi sejarah sebagai tempat transformasi manusia, dengan menuntut ilmu dan pemahaman untuk kepentingan mereka sendiri, ke arah menjadi tempat untuk latihan graduan semata-mata untuk memenuhi keperluan industri dan perniagaan," titah baginda.

Sempena majlis itu, baginda turut berkenan melancarkan tujuh buah buku ilmiah terbitan USIM dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).